

Kerpan: Usah ugut kerajaan

KLANG, Selasa - Kerajaan membuat keputusan melaksanakan projek ternakan udang harimau di Kerpan, Kedah selepas lebih 90 peratus penduduknya menyetujui syarat yang ditetapkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, langkah kerajaan membangunkan kawasan terbabit adalah untuk manfaat jangka panjang penduduk di situ dan kerajaan tidak berniat mengambil tanah sesuka hati.

Menurutnya, jika sawah padi di kawasan berkenaan tidak dimajukan, nilainya tidak akan naik dan petani terbabit akan terus dalam kemunduran.

"Sawah padi harganya cukup murah, mungkin RM1,000 atau RM2,000 satu relung. Kalau dijual sekarang atau 10 tahun lagi, mungkin nilainya naik kepada RM3,000. Itulah nilai sawah padi.

"Datang satu orang buat satu projek yang memerlukan tanah luas. Lebih 90 peratus orang di situ setuju kerana harga tanah yang cuma RM2,000 dinaikkan kepada RM15,000 selain saham dalam projek berkenaan," katanya kepada pemberita selepas meninjau landasan kereta api berkembar Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM Bhd) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan 33 petani, termasuk 10 wanita ditahan polis semalam kerana mengha-

lang jentera berat memasuki kawasan terbabit untuk membangunkannya.

Petani terbabit ditahan mengikut Kanun Acara Jenayah kerana menghalang kerja itu dan mengadakan perhimpunan haram.

Dr Mahathir berkata, tindakan segelintir penduduk membantah projek itu disebabkan tindakan sesetengah pihak menghasut mereka supaya membantah dengan harapan mendapat bayaran lebih tinggi.

"Hajat penduduk kampung itu hanya mengganggu pelaksanaan projek supaya nak dapat bayaran lebih. Kalau kita ada sikap sebegini, kita tak boleh buat kerja, akan ada orang yang selalu tunggu untuk tidak bersetuju pada saat akhir dengan penilaian tinggi.

"Penduduk menuntut sehingga RM50,000 satu relung. Ini bermakna satu hektar nilainya hampir RM150,000. Mereka seolah nak dapat tebusan...kalau tidak dibayar, nak halang traktor untuk menggagalkannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika petani terbabit tidak menerima pelaksanaan projek itu, mereka tidak mendapat hasil lebih tinggi kerana satu relung hasil padi hanya di antara RM200 dan RM300 setahun.

Menurutnya, ada orang tertentu dan pembangkang yang menghasut penduduk kampung.